

# Pembelajaran kreatif beri manfaat guru, murid

PENGAJARAN dan pembelajaran kreatif penggerak utama dalam membantu pelajar memahami informasi dengan lebih baik.

Ia berupaya membina kemahiran berkomunikasi, berfikiran kritikal dan penyelesaian masalah.

Timbalan Menteri Pendidikan, Senator Datuk Dr. Mah Hang Soon, berkata dengan gabungan teknik dalam Score A yang merangkumkan pendekatan pembelajaran abad ke-21 dalam darjah, beliau yakin pengajaran dan pembelajaran akan lebih menyeronokkan.

"Pelajar akan bersedia dengan kemahiran dan nilai-nilai yang perlu untuk menghadapi cabaran di masa hadapan," katanya pada pelancaran Pembelajaran Kreatif oleh Score A, program Edisi Guru secara dalam talian baru-baru ini. Turut hadir Pengarah Urusan Faber-Castell Malaysia, Andrew Woon.

Katanya, kementerian mengalu-alukan kolaborasi

## INFO

- » Program Faber-Castell berkolaborasi bersama enam Jabatan Pendidikan Negeri termasuk Pulau Pinang, Perak dan Selangor.
- » Fasa pertama program ini dijangka member manfaat kepada lebih kurang 1,700 guru dan 200,000 pelajar.
- » Melalui program ini, guru didedahkan kepada pelbagai teknik pembelajaran kreatif untuk membimbing dan memotivasi pelajar tentang keseronokan belajar.



dalam membantu meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran guru dan pelajar ke arah

memperkuuh pendidikan negara.

Sementara itu, program berkenaan direka sebagai maklum balas jalinan kerjasama strategik bagi menggalakkan kreativiti dalam kalangan guru.

Woon berkata, ia bertujuan meningkatkan teknik pengajaran guru dan proses pembelajaran pelajar selain membantu menggalakkan penglibatan efektif dan interaktif sewaktu proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung.

"Pembelajaran tidak sekadar mengingat dan menghafal sebaliknya lebih kepada memperolehi dan memahami maklumat secara pengaplikasian kaedah kreatif.

"Sebagai contoh, peta minda menggunakan visual untuk menguatkan ingatan. Ia membolehkan pelajar menyusun aliran pemahaman dengan mengaitkan informasi dalam bentuk grafik agar lebih mudah difahami dan lebih efektif semasa mengulang kaji," katanya.

MAH Hang Soon menunjukkan buku panduan untuk guru.

